

Headline	Suruhanjaya Tenaga beri khidmat CSR di lima institusi		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	20 Oct 2016	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	143 cm ²
Journalist	Lagatah Toyos	AdValue	RM 295
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 885



Suruhanjaya Tenaga beri khidmat CSR di lima institusi

Lagatah Toyos

TAWAU: Suruhanjaya Tenaga (ST) selesai melaksanakan Fasa I program Touch Point 2 Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di lima institusi agama dan kebajikan terpilih di Pantai Timur Sabah bagi tahun ini.

Pengarah Kawasan Pantai Timur Sabah, Mohd Yusrul Yusof berkata, program tersebut melibatkan tiga institusi kebajikan di Sandakan dan dua lagi di Tawau iaitu madrasah Ad-Diniah Ar-Rahmaniah (ADRA) Sg Imam Bombalai dan Rumah Anak Yatim dan Miskin, Tanah Merah Merotai.

Menurutnya, pelaksanaan di Tawau dijalankan dengan kerjasama 11 kontraktor elektronik berdaftar dengan ST di daerah ini, termasuk satu dari Kota Kinabalu.

Beliau berkata demikian semasa majlis

perasmian Seminar Bijak Tenaga di ADRA Sg Imam Bombalai, di sini, pada Rabu yang turut dihadiri Pengetua ADRA, Ustaz Tasir Modding serta wakil kontraktor terlibat.

Mohd Yusrul berkata, antara objektif program CSR itu adalah menjalankan aktiviti pemeriksaan dan pembaikan (mengikut keperluan) ke atas pendawaian elektrik bangunan kediaman yang mempunyai kejanggalan oleh kontraktor dan orang-orang kompetennya yang berdaftar demi memastikan penggunaan tenaga elektrik secara selamat dan cekap.

Memberi sumbangan kelengkapan elektrik seperti lampu, kipas dan lain-lain cekap tenaga yang diperlukan bangunan kediaman untuk memastikan keselesaan penghuninya.

Selain itu, objektifnya adalah

untuk mengadakan ceramah keselamatan elektrik, tips penjimatan dan penggunaan tenaga secara cekap kepada penghuni bangunan dan penduduk sekitar bagi menerapkan amalan penggunaan tenaga elektrik secara bijak.

Tiga pembentangan disampaikan oleh ST dalam seminar sehari tersebut iaitu pengenalan ST dan pengenalan kepada keselamatan elektrik dan bahaya, analisa kemalangan elektrik dan kecekapan tenaga.

Beliau berharap program terbabit dapat meningkatkan kesedaran kepada orang awam tentang keselamatan penggunaan elektrik serta kelebihan mengamalkan penggunaan tenaga secara cekap dalam aktiviti kehidupan seharian, selain memberi khidmat CSR kepada masyarakat.